



KEMENTERIAN PERPADUAN NEGARA

**TEKS UCAPAN**

**YBHG. DATUK AZMAN BIN MOHD YUSOF  
KETUA SETIAUSAHA  
KEMENTERIAN PERPADUAN NEGARA**

**SEMPENA**

***WALKABOUT*  
PROGRAM CITRA NUSA @ MUZIUM:  
MAGIS BELANTARA**

**PADA 29 OKTOBER 2023 (AHAD)**

**DATARAN MUZIUM NEGARA**

Bismillahirrahmanirrahim.

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh,

Salam Perpaduan, Salam Malaysia MADANI

Terima kasih kepada saudara/saudari Pengacara Majlis.

## **SALUTASI**

**\*Akan disediakan secara berasingan**

## **PENDAHULUAN**

1. Alhamdulillah, marilah kita bersama-sama melafazkan setinggi-tinggi rasa kesyukuran kepada Allah SWT kerana dikurniakan keizinan untuk bersama-sama dalam majlis pada pagi yang mulia ini.
2. Saya merakamkan penghargaan dan ucapan terima kasih atas kesudian YBhg. Datuk Kamarul Baharin bin A. Kasim, Ketua Pengarah, Jabatan Muzium Malaysia kerana sudi mengundang saya untuk bersama-sama dalam Program Citra Nusa @ Muzium: Magis Belantara 2023 ini.

## **PROGRAM CITRA NUSA@MUZIUM: MAGIS BELANTARA**

### **2023**

3. Seperti kita semua sedia maklum, Program Citra Nusa@Muzium merupakan satu inisiatif di bawah **flagship Kembara Perpaduan**, Kementerian Perpaduan Negara dan digerakkan oleh Jabatan Muzium Malaysia. Program ini telah dirancang khusus bagi **mendukung usaha mempromosikan konsep MALAYSIA MADANI** yang telah diilhamkan oleh Y.A.B Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim.
4. Penganjuran siri jelajah Program Citra Nusa @ Muzium untuk kali ini telah memilih Dataran Muzium Negara sebagai lokasi keempat (ke-4) dan **Muzium Seni Kraf Orang Asli** telah diberi tanggungjawab untuk melaksanakannya. Untuk makluman semua, sebelum ini, program Citra Nusa @ Muzium ini telah diadakan di Borneo Culture Museum, Kuching, Sarawak pada 31 Julai – 5 Ogos 2023, Muzium Negara, Kuala Lumpur pada 31 Ogos - 3 September 2023 dan di Muzium Matang, Perak pada 8 – 10 September 2023. Program ini akan berakhir di Muzium Kota Kayang, Perlis dijangka pada November 2023 nanti.

5. Program Citra Nusa@Muzium: Magis Belantara 2023 adalah sebuah program yang berkonsepkan “**budaya yang dipentaskan**” (*stage culture*) yang menghimpunkan suku kaum masyarakat Orang Asli di **Semenanjung Malaysia**. Citra budaya ini akan dapat menyemarakkan lagi rasa **muhibbah, menghormati silang budaya dan pemahaman secara nyata terhadap rona kepelbagaian khazanah budaya di Malaysia** amnya dan juga keberadaan kelompok minoriti masyarakat Orang Asli khususnya. Saya dimaklumkan program ini **melibatkan penyertaan seramai 100 orang masyarakat Orang Asli** dari Suku Kaum Semai, Mah Meri, Temiar dan Temuan.
  
6. Melalui penganjuran program ini, para pengunjung berpeluang untuk melihat sendiri **kepelbagaian budaya, seni, warisan dan sejarah masyarakat Orang Asli**. Ini akan memberi pemahaman serta pendidikan tidak langsung berkenaan kelestarian kehidupan masyarakat Orang Asli, pemeliharaan terhadap pengetahuan seni budaya tradisional serta penglibatan dan peranan mereka sebagai salah satu pasak dalam membina negara bangsa.

7. Selain dapat menghayati warisan resam budaya Orang Asli, para pengunjung juga didedahkan dengan **warisan alam semulajadi yang menjadi aset tidak ternilai** untuk negara. Orang Asli dan khazanah rimba tidak dapat dipisahkan. Perkaitan inilah yang membuat Masyarakat Orang Asli mempunyai hubungan yang signifikan dengan hutan belantara dan secara uniknya mereka boleh mengenalpasti ratusan spesis herba serta berkebolehan dalam menggunakan sumber hutan secara lestari. Khazanah warisan rimba juga menjamin kepada **ekosistem yang seimbang dan juga daya penarik bagi negara**.
  
8. Saya melihat program seperti ini akan memberi satu nilai tambah (*added value*) kepada keberadaan muzium di arus perdana. Saya percaya program ini mampu mencapai objektif untuk **menyubur dan menyemarak nilai-nilai perpaduan dan semangat patriotisme menerusi penghayatan terhadap warisan sejarah, budaya dan alam semulajadi negara**. Selain itu, program ini diharapkan dapat memupuk pemahaman dan kesedaran masyarakat terhadap kepelbagaian warisan sejarah dan budaya yang perlu dihargai dan dipertahankan sebagai identiti nasional yang diwarisi bersama.

Usaha Jabatan Muzium Malaysia melaksanakan aktiviti kemasyarakatan seperti ini akan memantapkan peningkatan apresiasi terhadap warisan sejarah, seni dan budaya negara serta **meningkatkan Indeks Perpaduan Nasional sekaligus mengurangkan defisit sosial** yang menjadi cabaran yang semakin mendominasi masyarakat Malaysia pada ketika ini.

### **MUZIUM KHAZANAH NEGARA**

9. Kerajaan menerusi Kementerian Perpaduan Negara akan sentiasa mengutamakan agenda untuk menjadikan muzium sebagai platform integrasi kaum, sesuai dengan fungsinya sebagai '*guardian of heritage*' yang **mengumpul, memelihara serta melestarikan koleksi warisan sejarah, seni dan budaya masyarakat** berbilang kaum di negara ini.
  
10. Saya berasa amat berbangga atas usaha proaktif Jabatan Muzium Malaysia dalam menganjurkan pelbagai program serta aktiviti dalam membantu Kerajaan merencanakan lagi usaha mempromosikan konsep Malaysia MADANI. Kementerian sentiasa memberi sokongan terhadap usaha Jabatan Muzium Malaysia dalam mengangkat serta **memartabatkan institusi permuziuman sebagai entiti**

yang memainkan peranan penting dalam pendidikan secara formal, tidak formal dan pembelajaran sepanjang hayat tentang warisan sejarah, budaya serta alam semula jadi Negara.

### **HARAPAN KEMENTERIAN PERPADUAN**

11. Bagi pihak kementerian, saya berharap program ini akan menjadi satu rangsangan kepada masyarakat setempat khususnya di Kuala Lumpur ini untuk berterusan menghayati erti sejarah dan ketamadunan masyarakat Orang Asli melalui semua aktiviti yang dianjurkan. Penglibatan komuniti Orang Asli melalui program seperti ini diharapkan dapat **menyerlahkan hasrat kerajaan meningkatkan semangat muhibah, toleransi dan sikap saling menghormati** di antara satu sama lain.
  
12. Justeru, saya mengambil kesempatan di sini menyeru seluruh agensi di bawah Kementerian Perpaduan khasnya di Kuala Lumpur ini, bersama-sama badan bukan kerajaan dan lain-lain entiti mendukung aspek perpaduan dengan menjadikan kepelbagaian yang ada untuk menzahirkan **amalan nilai-nilai murni seperti tolenrasi dalam**

**membentuk masyarakat MADANI yang bersatu padu dan mampu berdaya saing.**

13. Saya menaruh harapan yang tinggi supaya semua agensi kementerian menjadi pemangkin kepada usaha memupuk semangat kekitaan dan kebersamaan dalam kalangan masyarakat melalui penghayatan Rukun Negara, semangat jati diri dan cintakan tanah air.
  
14. Semua jabatan dan agensi di bawah Kementerian Perpaduan Negara perlu terus menyemarakkan aspek kebudayaan masyarakat majmuk menjadi sebahagian dari katalis kepada usaha berterusan memperkasakan agenda perpaduan dan integrasi nasional. Saya yakin bahawa strategi Kementerian Perpaduan Negara untuk memastikan nilai yang diterap melalui konsep Malaysia MADANI itu dapat digerak dan dilaksanakan sebaiknya.

## **PENUTUP**

15. Akhir kata, saya mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan jutaan terima kasih kepada semua yang terlibat sama ada secara langsung atau tidak langsung



dalam menjayakan program ini, terutamanya kepada Masyarakat Orang Asli, agensi kerajaan dan swasta, juga tidak ketinggalan kepada para pegawai dan kakitangan Jabatan Muzium Malaysia serta Muzium Seni Kraf Orang Asli selaku urus setia kepada Program Magis Belantara ini.

Sekian, terima kasih.